



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسش ايمان

"REBUTLAH lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain.

Masa muda mu sebelum tua mu,

Masa sihat mu sebelum sakit mu,

Masa kaya mu sebelum fakir mu,

Masa lapang mu sebelum kesibukan mu dan

Masa hidup mu sebelum mati mu".

(Hadis riwayat Imam Hakim).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.35 | ISYAK 7.47

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 95

8 OGOS 2022 / 1444 محرم 10

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



Belia Siaga Masa Depan

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan 1 Ogos sebagai Hari Belia Kebangsaan yang merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap pergerakan belia di negara ini.

Pada tahun ini, Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17 akan diadakan esok, 9 Ogos 2022, bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan tema 'Belia Siaga Masa Depan'. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemerlang ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022.

Tema

Belia adalah tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia itu sendiri sebagai pemacu kepada kemajuan pembangunan negara pada masa depan. Mempersiapkan diri belia dengan 'acuan' yang berkualiti adalah penting untuk melahirkan belia yang cemerlang. Bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian; tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif supaya sejajar dengan kecepatan kemajuan dunia dalam pelbagai bidang.

Kesiagaan belia dalam memberikan khidmat dan bakti mereka kepada negara adalah terbukti bila mana negara berdepan dalam situasi mencabar menangani penularan wabak COVID-19 beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang dinamik, mapan dan inklusif, kesiagaan belia dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan ke arah mencapai kecemerlangan yang tinggi iaitu Berakhlak Mulia, Bertaraf Dunia, Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan dan Pembangunan Negara Secara Inklusif serta mengukuhkan nilai-nilai teras kebruneian turut diperakui melalui Dasar Belia Negara dan Strategi 2035.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab bersepadu antara pihak kerajaan, swasta

dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara. Mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bersungguh-sungguh bagi melahirkan belia yang cemerlang.

Tema pada tahun ini juga bertepatan dengan Deklarasi ASEAN 2022 sebagai Year of ASEAN Youth. Peranan belia adalah penting bagi menyumbang kepada pembangunan sumber tenaga manusia dan komuniti, di samping memastikan penglibatan aktif golongan ini dalam memastikan keamanan serta mengukuhkan persefahaman bagi mendukung aspirasi One ASEAN Identity. Para belia juga perlu meningkatkan penguasaan kemahiran abad Ke-21 serta kemahiran digital.

Anugerah Hari Belia Kebangsaan

Anugerah Hari Belia Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara kepada pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam sama-sama menyahut titah serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan belia suatu aset yang perlu diberi fokus dan dihargai. Ini membuktikan bahawa golongan belia tidak pernah diabaikan oleh pihak kerajaan dan sentiasa diberi perhatian penuh dalam pembangunan belia. Penyediaan kemudahan dan prasarana merupakan bukti kesejahteraan dan kehendak belia terpelihara.

Pengiktirafan ini adalah merupakan sebagai satu wadah dan manifestasi dalam mendukung usaha golongan belia dalam membangun dan mengekalkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat. Penglibatan belia secara sukarela telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah sempena Sambutan Hari Belia Kali Pertama pada 1 Ogos 2006.

Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan itu nanti sebanyak empat kategori anugerah akan dikurniakan, iaitu Belia Cemerlang; Belia Berkhidmat; Pemimpin Muda Belia; dan Projek Cemerlang Untuk Belia.

Anugerah Belia Cemerlang

Anugerah Belia Cemerlang merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang telah

memberikan sumbangan jasa yang cemerlang dalam apa jua bidang diceburi atau memperlihatkan usaha-usaha yang membuahkan hasil membanggakan dan mengharumkan nama negara. Pencapaian yang cemerlang diperolehi di peringkat antarabangsa merupakan satu keutamaan selain di peringkat serantau dan kebangsaan pula adalah satu kelebihan dalam pelbagai bidang, sama ada keagamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Untuk anugerah ini penerima akan menerima wang tunai BND3,000, trofi dan sijil serta sebidang kain tenunan Brunei.

Anugerah Belia Berkhidmat

Anugerah Belia Berkhidmat merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada para pemimpin belia / belia yang telah memberikan sumbangan / khidmat secara sukarela mereka secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya.

Untuk anugerah ini penerima akan menerima wang tunai BND3,000, trofi dan sijil serta sebidang kain tenunan Brunei.

Anugerah Pemimpin Muda Belia

Anugerah Pemimpin Muda Belia merupakan satu pengiktirafan atas khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh Pemimpin Muda dalam memajukan pergerakan belia yang telah dipimpinya secara berterusan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya. Di samping itu juga sebagai penghormatan yang berterusan bagi ikutan dalam melahirkan pemimpin belia yang berwibawa, berwawasan dan berhemah tinggi.

Untuk anugerah ini penerima akan menerima wang tunai BND3,000, trofi dan sijil serta sebidang kain tenunan Brunei.

Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia

Anugerah ini merupakan pengiktirafan bagi projek-projek belia yang berjaya menjadi inspirasi dan model kepada pembangunan masyarakat secara am dan khususnya kepada para belia, di dalam pelbagai bidang terutama sekali bidang keusahawanan dan teknologi. Selain daripada itu, projek-projek ini akan menjadi inovasi sosial yang akan membangun dan memajukan organisasi atau

persatuan.

Untuk anugerah ini penerima akan menerima wang tunai BND3,500, trofi dan sijil.

Pameran Hari Belia

Pameran Hari Belia akan memfokuskan kepada kecemerlangan belia yang melakar nama dalam meneroka bidang keusahawanan, teknologi dan inovasi, kajian dan reka cipta yang berjaya menempah nama di arena serantau dan antarabangsa.

Mempamerkan belia yang telah berjaya dan berpotensi menembusi pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa. Ini termasuk jumlah aspek *revenue*, kolaborasi dan projek dilaksanakan.

Terdapat empat kluster utama pada pameran itu nanti iaitu Gaya Hidup Baru (New Lifestyle); Ilmu (Knowledge); Teknovasi (Innovation & Tech); Pembangunan Mampan (Sustainable Development).

Konvensyen Hari Belia

Turut diadakan adalah Konvensyen Hari Belia secara hybrid, diadakan di ICC, Berakas selama empat hari dan akan memfokuskan perbincangan mengenai Gig Ekonomi; Industri Kreatif dan Digitalisasi dan Inovasi.

Gig Ekonomi akan membincangkan hala tuju Gig Ekonomi di NBD. Sementara Industri Kreatif pula membincangkan usaha serta langkah ke hadapan dalam memajukan Industri Kreatif di NBD. Manakala Digitalisasi dan Inovasi pula membincangkan transisi ke era digitalisasi dalam industri. Bagaimana perubahan teknologi telah mempengaruhi lanskap industri dan ekonomi.

SOP kesihatan

Bagi mereka yang menghadiri majlis itu nanti, adalah dikehendaki untuk membuat ujian ART di rumah sebelum menghadiri acara dan seterusnya memuat naik keputusan ujian ke BruHealth. Bagi mereka yang mempunyai simptom-simptom demam seperti batuk, sesama, sakit leher dan seumpamanya dikehendaki untuk tidak hadir ke acara tersebut. Sepanjang acara sungkup muka hendaklah sentiasa dipakai, mengamalkan etika batuk dan bersin dan elakkan bersalam-salaman.

Apa yang diharapkan dengan adanya sambutan dan pengiktirafan untuk golongan belia ini, ia menjadi pemangkin agar para belia terus bersemangat memajukan masa depan negara sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035.